

Bukan hanya daripada ibadat – PM

Peradaban Islam semua petunjuk Allah

KUALA LUMPUR 4 Okt. – Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, peradaban Islam bukanlah terbina hasil daripada ibadat kepada Allah semata-mata tetapi dibangunkan melalui pemikiran dan pelaksanaan kepada semua petunjuk cara hidup yang ditetapkan oleh Allah.

Beliau berkata, untuk itu umat Islam mestilah menjadikan Al-Quran sebagai sumber untuk membangunkan pengetahuan dan menangani cabaran di samping sebagai panduan untuk mengatasi masalah.

"Peradaban Islam bukanlah hanya melibatkan aspek keimanan yang tidak boleh dipersoalkan semata-mata tetapi ia juga merupakan pemikiran dan idea yang berlandaskan kepada ajaran Islam," katanya semasa berucap merasmikan Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (Istac) di sini malam ini.

Menurut beliau, dalam menentukan peradaban Islam, wujudnya perbezaan penilaian sama ada peradaban itu hanya melibatkan soal keimanan sahaja tanpa pencapaian dunia atau dinilai dengan pencapaian dunia sahaja.

"Sekiranya kita tidak dapat menyelesaikan penilaian apakah sebenarnya peradaban Islam, kita akhirnya akan membincangkan dua perkara yang berbeza dan gagal untuk mencapai sebarang keputusan dan arahan yang praktikal," ujar beliau.

Dalam kata lain, Perdana Menteri menyatakan, perbezaan itu hanya akan membuatkan umat Islam meneruskan usaha yang sia-sia dan tidak menyumbangkan sesuatu untuk Islam dan umatnya.

Sehubungan itu, Dato' Sri Dr Mahathir berharap, Istac bersedia untuk menganalisis, menyediakan alasan dan mencari alasan bagi menjadikan Islam diterima sebagai cara hidup.

Bagaimanapun, usaha itu bukanlah bermakna kajian yang dibuat hanya melibatkan soal keimanan seperti meyakini keesaan Allah dan Nabi Muhammad sebagai RasulNya tetapi termasuk dalam bidang dan nilai-nilai hidup yang lain.

Istac yang dibina tahun lalu menelan belanja \$10 juta. Ia diasaskan oleh Prof. Syed Naquib Al-Attas dan akan menjadi sebuah pusat pengajian Islam yang terunggul di Asia Tenggara.

Perdana Menteri juga menegaskan, Islam tidak diturunkan tanpa sebarang sebab sebaliknya ia diturunkan di tengah-tengah masyarakat berada dalam keadaan jahiliyah.

"Islam diturunkan untuk menerangi, ia turun dengan sebab. Islam datang untuk menerangi jalan kepada jahiliyah di Mekah dan untuk semua manusia," ujar beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Islam diturunkan bagi menunjukkan cara hidup kepada semua manusia di dunia dan dahulu hingga ke akhir zaman dan ia bukan hanya ditumpukan kepada soal sembahyang dan iman semata-mata.

"Islam bermakna untuk mempertajamkan nilai keimanan dan sebagai arahan bagaimana manusia mesti menjalankan hidupnya, pentadbiran, undang-undang dan sistem perekonomiannya," kata beliau.

Katanya, dengan hanya bersembahyang dan menyerahkan apa yang berlaku kepada Allah semata-mata, bukanlah cara yang dituntut oleh Islam sebaliknya cara tersebut hanya sebagai jalan untuk umat Islam mendapatkan petunjuk.

"Apabila umat Islam menyedari bahawa mereka gagal atau tidak berupaya menyelesaikan masalah, mereka hendaklah merujuk semula kepada Al-Quran untuk mendapatkan panduan.

"Tetapi mereka tidak boleh menyatakan keagalan itu telah dirancang dan meletakkan kesalahan kepada Allah kerana tindakan itu bukanlah merupakan tindakan seorang Islam yang fulen," tambahnya.

Perdana Menteri turut menjelaskan, selepas Nabi wafat banyak persoalan yang timbul terpaksa didasarkan kepada "ijtihad" yang dibuat berpandukan kepada apa yang dinyatakan oleh Al-Quran, hadis dan sunnah manakala fatwa pula adalah hasil pendapat para ulama.

Sehubungan itu katanya, Islam yang dibawa oleh Rasulullah itu mempunyai tanggapan dan pandangan yang berbeza-beza.

"Hasilnya, Islam menjadi agama dengan pelbagai amalan dan kepercayaan berpandukan kepada pengertian, pengajaran dan ijtihad yang telah memecah bukan sahaja umat tetapi agama Islam sendiri," kata Perdana Menteri.

terbina melalui